

MAHATHIR-LESEN

1978

KUALA LUMPUR, 17 SPT. (BERNAMA) — KABINET TIDAK PERNAH MELULUSKAN SEBARANG LESEN LUMBA ANJING +GREY SOUND+ KEPADA SESIAPA PUN DI NEGARA INI, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PERWAKILAN DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO MALAYSIA DI SINI HARI INI, KABINET TELAH PUN MENOLAK SATU PERMOHONAN UNTUK LESEN TERSEBUT SEMASA BEKAS MENTERI TANAH DAN KEMAJUAN WILAYAH, DATUK ASRI MASIH BERADA DALAM KABINET.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBUAT PENJELASAN INI BERHUBUNG DENGAN SURAT-SURAT YANG DIEDARKAN DALAM PERHIMPUNAN TERSEBUT BERKAITAN DENGAN SATU USUL TERGEMPAR DARI UMNO BAHAGIAN KUALA SELANGOR, YANG SEBELUM INI DITOLAK OLEH PERHIMPUNAN.

SURAT ITU MENDAKWA BAHAWA KERAJAAN TELAH MELULUSKAN SATU PERMOHONAN LESEN LUMBA ANJING. — BERSAMBUNG 1947/ZCM

££

B607:

MAHATHIR-LESEN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR DENGAN SUARA YANG LANTANG MEMINTA KETUA UMNO BAHAGIAN KUALA SELANGOR, DATUK RAJA NASRON ISHAK, YANG MENGEDARKAN KERTAS USUL TERSEBUT SUPAYA MENJELASKAN PUNCA YANG MENYATAKAN KERAJAAN TELAH MELULUSKAN LESEN ITU.

DATUK RAJA NASRON LANTAS BANGUN DAN MENJAWAB IA DAPAT BUTIR-BUTIR MENGENAI PEMBERIAN LESEN ITU DARI SEORANG AHLI PERNIAGAAN.

BELIAU MENDAKWA, NASKAH SURAT YANG MENYEBUTKAN KABINET MELULUSKAN LESEN LUMBA ANJING ITU BERADA DENGAN AHLI PERNIAGAAN BERKENAAN ITU.

SESUDAH MENDENGAR PENJELASAN DATUK RAJA NASRON, TIMBALAN PRESIDEN UMNO ITU MENEGASKAN SEKALI LAGI KABINET TIDAK PERNAH MELULUSKAN PERMOHONAN TERSEBUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SURAT YANG DIDAKWA OLEH KETUA BAHAGIAN KUALA SELANGOR ITU TIDAK BENAR SAMA SEKALI.

KATANYA, BELIAU AKAN MEMINTA MENTERI DALAM NEGERI, TAN SRI GHAZALI SHAFIE BERTINDAK TERHADAP MEREKA YANG BERKENAAN MENGELUARKAN SURAT-SURAT YANG TIDAK BENAR ITU. — BERSAMBUNG 1950/ZCM

MAHATHIR-LESEN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGGATKAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO SUPAYA LEBIH BERHATI-HATI BILA MEMBUAT SEBARANG KRITIK TERHADAP PUCUK PIMPINAN DAN PARTI SENDIRI.

+UMNO TIDAK MAHU MELIHAT AHLI-AHLINYA MENIKAM DIRINYA SENDIRI YANG BOLEH MENGUNTUNGAN PARTI LAWAN SEMATA-MATA, + TAMBAHNYA.

KATANYA, SETIAP KENCAMAN YANG SIHAT SERTA MEMBINA DAPAT MENGUATKAN KEUTUHAN DAN STRATEGI PARTI TETAPI KENCAMAN YANG TIDAK BERASAS AKAN MEROBOH PARTI UMNO SENDIRI.

+PERHIMPUNAN MEMANGLAH TEMPAT BAGI PARA AHLI MENKRITIK PARA MENTERI TETAPI PARA PERWAKILAN HENDAKLAH LEBIH BERTANGGUNGJAWAB SERTA BERSIKAP BERHATI-HATI BILA MEMBUAT TEGURAN. +

+TEGUARAN YANG TIDAK BERASAS ATAU KURANG BUKTI AKAN HANYA MEMBAWA KESAN BURUK KEPADA PARTI, + TAMBAHNYA.

— BERSAMBUNG 1900/LK

MAHATHIR-LESEN 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, MUSUH-MUSUH UMNO AKAN MENGGUNAKAN DENGAN SEPENUHNYA TEGURAN-TEGURAN YANG TIDAK BERASAS UNTUK KEPENTINGAN MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, SEBAGAI SEBUAH PARTI YANG MENDOKONG KONSEP ISLAM UMNO SENTIASA MENGAWASI DAN BERTINDAK TERHADAP SEBARANG GOLONGAN YANG MENYELEWENKAN AJARAN AGAMA ISLAM.

+UMNO BUKANLAH SEPERTI PARTI LAWAN YANG MENGAMALKAN SIKAP PULAU MEMULAU DAN KAFIR MENGKAFIR SESAMA UMAT ISLAM, + TEGASNYA. KATANYA, ISLAM ADALAH HAK MEREKA YANG MENGANUT AGAMA ITU DAN IA TIDAK BOLEH DIPUTARBELITKAN UNTUK KEPENTINGAN SESEORANG ATAU GOLONGAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA, KERAJAAN SEDANG BERUSAHA UNTUK MEMAJUKAN PERUSAHAAN PERFILEMAN TEMPATAN DI NEGARA INI.

UNTUK ITU, KATANYA LAGI, UNDANG-UNDANG MENGENAI PERFILEMAN AKAN DIPERKEMASKAN.

— BERSAMBUNG 1903/LK

MAHATHIR - LESEN 5 KUALA LUMPUR

MENYENTUH TENTANG DASAR AGAMA, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN MOHAMAD ISA MENOLAK DAKWAAN KONONNYA PENYELARASAN TIDAK WUJUD DI ANTARA MAJLIS-MAJLIS AGAMA DI NEGARA INI.

PENYELARASAN INI KATANYA, TELAH DAPAT DIWUJUDKAN SEKURANG-KURANGNYA ANTARA MAJLIS-MAJLIS AGAMA YANG BERGABUNG DENGAN MAJLIS KEBANGSAAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM.

BELIAU BERHARAP MAJLIS-MAJLIS AGAMA YANG MASIH BELUM BERGABUNG DENGAN MAJLIS KEBANGSAAN TERSEBUT BERBUAT DEMIKIAN SUPAYA PENYELARASAN SEPENUHNYA DAPAT DIJALANKAN.

DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN MENJELASKAN PEMBENTUKAN MAJLIS KEBANGSAAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM TELAH BERJAYA MELAHIRKAN BEBERAPA HASIL -- ANTARANYA PENUBUHAN SEBUAH MAJLIS FATWA. --BERSAMBUNG

MAHATHIR-LESEN 6 KUALA LUMPUR

DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN JUGA MEMBERITAHU SATU KEMPEN BULAN DAKWAH AKAN DILANCARKAN DI SELURUH NEGARA TAHUN DEPAN.

KEMPEN ITU AKAN DILANCARKAN OLEH PERDANA MENTERI, DATUK HUSSEIN ONN AWAL RAMADHAN DEPAN.

MENYENTUH TENTANG KEGIATAN-KEGIATAN DAKWAH KURANG SIHAT YANG DIBANGKITKAN OLEH PARA PERWAKILAN, BELIAU MENERANGKAN PERKARA INI SEPATUTNYA TIDAK BOLEH BERLAKU KERANA ISTILAH DAKWAH SEBENARNYA MENYURUH SESUATU UMAT BERBUAT YANG BAIK.

BELIAU BAGAIMANAPUN MENYERU AHLI-AHLI UMNO MENDAMPINGI JABATAN-JABATAN AGAMA NEGERI MASING-MASING SUPAYA KEGIATAN DAKWAH YANG DIKATAKAN MENYEWENG DAPAT DIBENDUNG. --BERNAMA 1926/MD